



PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA
SOALAN LAZIM (FAQ) BAGI INDUSTRI PELANCONGAN
(DIKEMASKINI PADA 14 JUN 2024)

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois bagi tiket penerbangan atau carter penerbangan persendirian yang dijual melalui ejen pelancongan atau pihak ketiga?	Tanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois bergantung kepada hubungan kontrak antara ejen pelancongan / pihak ketiga dan pengendali syarikat penerbangan. (1) Jika ejen pelancongan bertindak sebagai prinsipal (iaitu, membeli daripada pengendali syarikat penerbangan dan menjual semula kepada pengguna), ejen pelancongan bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois kepada pengguna. i. Jika tiket penerbangan dan produk lain bukan berkaitan penerbangan (contohnya, lawatan darat, permohonan visa) dijual bersama dalam satu transaksi, ejen pelancongan perlu mengeluarkan sama ada: e-Invois yang memperincikan kedua-dua tiket penerbangan dan produk bukan berkaitan penerbangan; atau

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		• e-Invois berasingan untuk tiket penerbangan dan produk bukan berkaitan penerbangan. ii. Jika tiket penerbangan dan produk bukan berkaitan penerbangan dijual secara berasingan, ejen pelancongan dikehendaki untuk mengeluarkan: • e-Invois untuk tiket penerbangan, tanpa mengambil kira sama ada Pembeli memintanya atau tidak; dan • e-Invois (atas permintaan Pembeli) / resit (jika Pembeli tidak meminta e-Invois) untuk produk bukan berkaitan penerbangan. Pengendali syarikat penerbangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada ejen pelancongan bagi penjualan tiket penerbangan atau carter penerbangan persendirian seperti amalan pengeluaran invois sedia ada. (2) Sekiranya tiket penerbangan dijual oleh ejen pelancongan bagi pihak pengendali syarikat penerbangan (iaitu, hanya bertindak sebagai ejen), kewajipan untuk mengeluarkan e-Invois kepada pengguna bagi penjualan tiket penerbangan atau carter penerbangan persendirian akan terletak pada pengendali syarikat penerbangan. Oleh itu, pengendali syarikat penerbangan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		komisen yang dibayar kepada ejen pelancongan mengikut ketetapan dalam Seksyen 9, Garis Panduan Spesifik e-Invois. Harap maklum bahawa pengeluaran e-Invois disatukan adalah tidak dibenarkan bagi penjualan tiket penerbangan atau carter penerbangan persendirian. Sila rujuk Seksyen 3.7, Garis Panduan Spesifik e-Invois.
2.	Butiran siapakah yang perlu diberikan sebagai Pembeli bagi tujuan pengeluaran e-Invois untuk penjualan tiket penerbangan atau carter penerbangan persendirian oleh ejen pelancongan yang bertindak sebagai prinsipal?	Bagi tujuan mengeluarkan e-Invois untuk penjualan tiket penerbangan atau carter penerbangan persendirian, butiran Pembeli adalah seperti berikut: a. Apabila seseorang individu membuat pembelian untuk perjalanan peribadi atau untuk individu lain yang merupakan penumpang, butiran Pembeli hendaklah merujuk kepada individu yang membuat pembelian tersebut; atau b. Bagi pembelian berkumpulan (iaitu, beberapa tiket dalam satu tempahan), butiran Pembeli boleh dinyatakan sebagai salah satu daripada pilihan berikut, berdasarkan keutamaan Penjual: i. Butiran orang yang membuat pembelian, untuk semua e-Invois individu; atau

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		ii. Butiran setiap penumpang dalam tempahan, untuk e-Invois individu masing-masing.
3.	Ejen pelancongan menjual pakej pelancongan 4 hari 3 malam ke Pulau Pinang dengan harga RM1,500. Pada masa ini, ejen pelancongan memerlukan deposit keselamatan (<i>security deposit</i>) sebanyak 20% semasa pengesahan dan mengutip baki 80%, iaitu satu minggu sebelum berlepas. Bagaimanakah e-Invois perlu dikeluarkan apabila kutipan deposit dikenakan?	Sekiranya deposit tersebut boleh dikembalikan, tiada e-Invois perlu dikeluarkan semasa kutipan deposit keselamatan dibuat. Sekiranya deposit tersebut tidak boleh dikembalikan, ejen pelancongan dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois bagi bayaran deposit yang dikutip. Seterusnya, ejen pelancongan perlu mengeluarkan e-Invois yang berasingan bagi jumlah baki.
4.	Agensi pelancongan Malaysia akan berurusan dengan pemandu pelancong, iaitu pihak ketiga (tempatan dan asing) untuk menyediakan perkhidmatan pemandu pelancong sebagai sebahagian daripada pakej pelancongan yang dijual. Pada masa ini, pemandu pelancong akan mengeluarkan invois kepada agensi pelancongan bagi perkhidmatan pemandu pelancong yang disediakan. Apakah layanan e-Invois yang berkaitan dengan transaksi di atas?	Jika perkhidmatan disediakan oleh pemandu pelancong tempatan, pemandu pelancong tersebut dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada ejen pelancongan bagi perkhidmatan yang disediakan. Sebaliknya, jika perkhidmatan disediakan oleh pemandu pelancong asing, agensi pelancongan Malaysia dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri. Sila rujuk Seksyen 8, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk maklumat lanjut berkaitan pengeluaran e-Invois bil sendiri.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
5.	Adakah agensi pelancongan dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan bagi pakej pelancongan, yang mungkin termasuk pelbagai perkhidmatan (contohnya, tiket penerbangan, penginapan hotel dan perkhidmatan pemandu pelancong) yang dijual pada harga pakej kepada pelanggan yang tidak memerlukan e-Invois?	Jika pakej pelancongan adalah termasuk tiket penerbangan, agensi pelancongan tidak dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan. Dalam erti kata lain, agensi pelancongan dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois individu kepada pelanggan, tanpa mengambil kira sama ada pelanggan meminta e-Invois atau tidak. Sekiranya pakej pelancongan adalah tidak termasuk tiket penerbangan, agensi pelancongan dibenarkan untuk mengeluarkan resit kepada pelanggan, jika pelanggan tidak meminta e-Invois. Agensi pelancongan kemudiannya dibenarkan untuk mengagregatkan semua transaksi dan mengeluarkan e-Invois disatukan dalam tempoh 7 hari kalendar selepas bulan tersebut berakhir untuk pengesahan LHDNM. Sila ambil perhatian bahawa pengeluaran e-Invois disatukan tidak dibenarkan bagi penjualan tiket penerbangan atau carter penerbangan persendirian. Sila rujuk Seksyen 3.7, Garis Panduan Spesifik e-Invois.